

FAKTOR LOKALITI DALAM MENCAPAI ASPIRASI MURID

[LOCALITY FACTORS IN ACHIEVING STUDENTS' ASPIRATIONS]

NUR AFIFAH A AZIZ^{1*} & KHAIRUL AZHAR JAMALUDIN¹

^{1*} Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.

Correspondent Email: P144450@siswa.edu.ukm.my

Received: 24 June 2025

Accepted: 26 July 2025

Published: 01 September 2025

Abstrak Kertas konsep ini membincangkan isu dan cabaran berkaitan faktor lokaliti pelajar yang mempengaruhi pencapaian aspirasi murid. Faktor lokaliti seperti peluang pekerjaan dalam komuniti, persekitaran kejiranan, dan hubungan sosial dengan jiran didapati mempunyai impak besar terhadap motivasi, kesejahteraan emosi, serta pencapaian akademik pelajar. Kajian terdahulu menunjukkan bahawa ketidaktentuan ekonomi, kekurangan sokongan sosial, serta ketiadaan teladan positif dalam persekitaran tempatan boleh melemahkan keupayaan murid untuk menetapkan dan mencapai matlamat pendidikan dan kerjaya mereka. Oleh itu, penyelesaian seperti pengukuhan sokongan komuniti, peningkatan infrastruktur pendidikan, dan penyediaan program pembangunan sosial diperlukan bagi memastikan aspirasi murid terus berkembang dalam pelbagai konteks lokaliti. Kertas ini mencadangkan pendekatan holistik yang melibatkan pelbagai pihak untuk membina persekitaran pembelajaran yang kondusif dan menyokong perkembangan potensi pelajar.

Kata Kunci: aspirasi murid, lokaliti, kejiranan, peluang pekerjaan, sokongan sosial, pembangunan pelajar.

Abstract: This concept paper examines the issues and challenges related to locality factors that influence students' ability to achieve their aspirations. Elements such as employment opportunities within the community, neighborhood conditions, and social relationships with neighbors significantly affect student motivation, emotional well-being, and academic performance. Previous research indicates that economic instability, limited social support, and the absence of positive role models in the local environment can hinder students from setting and reaching their educational and career goals. Therefore, solutions such as strengthening community support, improving educational infrastructure, and offering social development programs are necessary to ensure students' aspirations continue to grow across different locality contexts. This paper proposes a holistic approach involving multiple stakeholders to create a supportive learning environment that nurtures student potential.

Keywords: student aspiration, locality, neighborhood, employment opportunities, social support, student development.

Cite This Article:

Nur Afifah A Aziz & Khairul Azhar Jamaludin. (2025). Faktor Lokaliti Dalam Mencapai Aspirasi Murid [Locality Factors In Achieving Students' Aspirations]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 5(1): 134-150.

PENGENALAN

Aspirasi murid merujuk kepada cita-cita dan harapan yang ingin dicapai dalam bidang pendidikan dan kerjaya, yang terbentuk melalui pengaruh persekitaran sosial, emosi dan ekonomi. Beberapa organisasi antarabangsa seperti Save the Children International (2019), World Health Organization (WHO) (2020), dan International Bureau for Children's Rights (2016) menekankan bahawa kesejahteraan kanak-kanak melibatkan akses kepada pendidikan, keselamatan dan kesihatan yang baik sebagai asas membentuk aspirasi yang positif. World Vision International (2016) pula menekankan empat aspek utama dalam aspirasi kanak-kanak iaitu kesihatan, pendidikan, perlindungan dan pembangunan spiritual. Dalam konteks pendidikan, aspirasi sering dikaitkan dengan motivasi intrinsik dan ekstrinsik. Menurut Lannin et al. (2022), aspirasi intrinsik mendorong pencapaian yang berlandaskan kepuasan sendiri, manakala aspirasi ekstrinsik berfokus kepada ganjaran luaran dan status sosial.

Aspirasi murid juga menjadi pemangkin kepada pelaburan modal insan negara serta mempengaruhi keputusan pendidikan dan laluan kerjaya seseorang. Menurut International Labour Organisation (ILO), murid yang mempunyai pandangan jauh terhadap masa depan lebih berkemungkinan mencapai kejayaan dalam kerjaya dan kehidupan. Kajian oleh Lergetporer et al. (2021) mendapati bahawa 43% ibu bapa melihat pendidikan tinggi sebagai alat utama untuk meningkatkan mobiliti sosial anak-anak mereka. Tambahan pula, kajian oleh Chen dan Hesketh (2021) menunjukkan bahawa pelajar yang mempunyai aspirasi tidak sejajar dengan kemampuan sebenar mereka cenderung mengalami tekanan, keyakinan diri rendah, dan pencapaian akademik yang kurang memberangsangkan. Maka jelas bahawa aspirasi memainkan peranan penting dalam menentukan hala tuju pembangunan murid dan kejayaan masa depan negara.

KONSEP DAN DEFINISI

Aspirasi Murid

Aspirasi murid ialah satu matlamat, cita-cita yang dimiliki dan ingin dicapai oleh seseorang individu. Aspirasi murid boleh dikategorikan dalam aspirasi Pendidikan. Aspirasi pendidikan merujuk kepada harapan atau keinginan individu untuk mencapai sesuatu tahap pendidikan dan ia tidak semestinya bergantung pada realiti sosioekonomi individu tersebut (Farah Adiah, 2017: Gorard, See & Davies 2012).

Aspirasi murid ini dijadikan sebagai satu dasar dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia untuk memastikan generasi muda di Malaysia mempunyai keupayaan secara holistik bagi memimpin dan mengembangkan negara. Terdapat enam aspirasi yang digariskan iaitu pengetahuan, Kemahiran berfikir, Kemahiran memimpin, Kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian serta identiti nasional.

Lokaliti

Lokaliti merujuk kepada kawasan persekitaran fizikal dan sosial di mana seseorang individu tinggal dan membesar, yang secara langsung atau tidak langsung mempengaruhi peluang, pendedahan dan pembentukan aspirasi mereka. Dalam konteks pendidikan, lokaliti bukan sekadar penanda geografi tetapi mencerminkan tahap pembangunan sesebuah kawasan dari segi infrastruktur, kemudahan pendidikan, aktiviti komuniti, dan jaringan sosial yang tersedia. Menurut Johnston et al. (2000), lokaliti ialah unit geografi yang bersifat sosial dan budaya, di mana pengalaman hidup penduduk dibentuk melalui interaksi mereka dengan persekitaran setempat.

Lokaliti boleh memainkan peranan penting dalam pembentukan aspirasi murid, terutamanya apabila dikaitkan dengan akses kepada sumber pendidikan berkualiti, persekitaran pembelajaran yang kondusif, serta peranan model sosial seperti guru, ibu bapa dan komuniti setempat. Sebagai contoh, murid yang tinggal di kawasan bandar dengan sekolah berprestasi tinggi dan sokongan pembelajaran luar kelas berkemungkinan besar mempunyai aspirasi akademik dan kerjaya yang lebih tinggi berbanding murid di kawasan luar bandar yang mungkin berdepan dengan kekangan seperti kekurangan guru pakar, ketiadaan akses internet, atau jarak sekolah yang jauh. Kajian oleh Zipin et al. (2015) menunjukkan bahawa faktor geografi dan budaya lokaliti secara signifikan mempengaruhi horizon aspirasi pelajar, terutamanya dalam kalangan komuniti yang terpinggir. Oleh itu, faktor lokaliti memainkan peranan yang penting dalam membentuk aspirasi murid secara lazimnya.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk meneliti faktor lokaliti pelajar dalam mencapai aspirasi murid dengan memberi fokus kepada tiga subkonstruk utama, iaitu pasaran buruh, pendedahan kepada kawasan kejiranan, dan pandangan terhadap jiran.

TEORI

Rajah 1 menunjukkan Teori Abraham Maslow. Teori ini dikenali sebagai Hierarki Keperluan Maslow, yang mengklasifikasikan keperluan manusia dalam bentuk piramid yang bertingkat.




Rajah 1 : Teori Abraham Maslow 1970 (Anjanaben 2019)

Teori Abraham Maslow, yang dikenali sebagai Hierarki Keperluan Maslow, merupakan model yang mengklasifikasikan keperluan manusia ke dalam lima tahap utama: keperluan fisiologi, keselamatan, kasih sayang dan kepunyaan, penghargaan, dan aktualisasi diri. Dalam konteks pendidikan, teori ini memberikan panduan penting bagi guru dan pentadbir sekolah untuk memahami dan memenuhi keperluan pelajar bagi mencapai potensi penuh mereka. Pada tahap asas, pelajar memerlukan keperluan fisiologi (seperti makanan, minuman, dan tempat tinggal) dan keselamatan (persekitaran yang selamat dan stabil). Tanpa memenuhi keperluan ini, pelajar akan mengalami kesukaran untuk menumpukan perhatian dan belajar dengan efektif di dalam kelas.

Setelah keperluan asas ini dipenuhi, perhatian harus diberikan kepada keperluan kasih sayang dan kepunyaan, penghargaan, dan aktualisasi diri. Pelajar memerlukan rasa kepunyaan, diterima, dan dihargai oleh rakan sebaya dan guru mereka. Ini boleh dicapai melalui pembentukan komuniti kelas yang inklusif dan sokongan sosial yang kuat. Penghargaan juga penting untuk membina keyakinan diri dan motivasi pelajar, yang boleh diberikan melalui pengiktirafan pencapaian dan usaha mereka. Akhirnya, untuk mencapai aktualisasi diri, pelajar perlu diberikan peluang untuk mengejar minat peribadi, kreativiti, dan perkembangan diri. Pendidikan yang holistik dan berpusatkan pelajar, yang memberi perhatian kepada perkembangan emosi, sosial, dan intelektual, akan membantu pelajar mencapai tahap tertinggi dalam hierarki keperluan Maslow, iaitu aktualisasi diri, di mana mereka dapat merealisasikan potensi penuh mereka sebagai individu.

MODEL

Rajah 2 menunjukkan Model Aspirasi Ivan Turok 2009. Model aspirasi Ivan Turok menekankan bahawa aspirasi individu dipengaruhi oleh pelbagai faktor, termasuk persekitaran sosial, ekonomi, dan budaya. Turok mengemukakan bahawa aspirasi tidak hanya terbentuk secara individu tetapi juga melalui interaksi dengan konteks masyarakat di sekeliling.



Rajah 2 : Model Aspirasi (Ivan Turok, 2009)

Model aspirasi Ivan Turok menyoroti bagaimana aspirasi individu dibentuk oleh interaksi dinamik antara keluarga, sekolah, dan tempat tinggal. Turok mengemukakan bahawa aspirasi bukan sahaja dipengaruhi oleh faktor dalaman individu tetapi juga oleh faktor luaran yang berkaitan dengan persekitaran sosio-ekonomi mereka. Dengan memahami bagaimana tiga elemen ini berinteraksi, kita dapat melihat dengan lebih jelas bagaimana aspirasi individu berkembang dan bagaimana ia boleh dibentuk untuk mencapai potensi penuh mereka.

LOKALITI

Persekitaran tempat tinggal atau komuniti juga mempengaruhi aspirasi individu. Kawasan dengan sumber daya yang mencukupi, seperti akses kepada perpustakaan, pusat pembelajaran, dan kemudahan rekreasi, dapat memberikan lebih banyak peluang untuk perkembangan diri. Sebaliknya, komuniti yang kekurangan sumber daya dan menghadapi masalah sosial seperti kemiskinan dan jenayah boleh membatasi aspirasi individu (Ivan Turok, 2009). Peranan komuniti yang menyokong dan menyediakan peluang untuk pembangunan diri adalah penting dalam membentuk aspirasi yang positif. Interaksi sosial dalam komuniti dan contoh-contoh kejayaan dari orang-orang di sekitar juga boleh memberi inspirasi kepada individu untuk mencapai lebih banyak dalam hidup mereka. Konstruksi tempat terbahagi kepada tiga iaitu pasaran buruh, pendedahan kepada kawasan kejiranan dan pandangan terhadap jiran.

i. Pengaruh Peluang Pekerjaan terhadap Aspirasi Murid

Keadaan peluang pekerjaan memainkan peranan penting dalam membentuk aspirasi murid. Peluang pekerjaan yang banyak dan baik boleh mendorong murid untuk mencapai pendidikan yang lebih tinggi dan berusaha lebih keras. Sebaliknya, peluang pekerjaan yang lemah boleh mengurangkan motivasi murid untuk mengejar pendidikan lebih lanjut.

ii. Pendedahan kepada Kawasan Kejiranan

Kawasan kejiranan di mana murid tinggal boleh memberi kesan yang besar terhadap aspirasi mereka. Jiran yang menawarkan persekitaran yang selamat, kemudahan yang baik, dan contoh peranan positif cenderung meningkatkan aspirasi murid. Sebaliknya, jiran yang kurang membangun dan berisiko tinggi boleh menyekat aspirasi murid.

iii. Pandangan terhadap Jiran

Persepsi murid tentang jiranan mereka juga memainkan peranan penting dalam membentuk aspirasi mereka. Murid yang melihat jiranan mereka sebagai tempat yang menyediakan peluang dan keselamatan cenderung mempunyai aspirasi yang lebih tinggi. Sebaliknya, murid yang melihat jiranan mereka sebagai tempat yang terhad dan tidak selamat mungkin mempunyai aspirasi yang lebih rendah.

Kesimpulannya, model aspirasi sering menekankan bagaimana pelbagai faktor seperti peluang pekerjaan, pendedahan kepada kawasan kejiranan, dan pandangan terhadap jiran saling berkaitan dalam membentuk aspirasi murid. Dalam model ini, guru, keluarga, dan persekitaran sekolah juga memainkan peranan penting. Gabungan faktor-faktor ini menentukan tahap motivasi murid dan hasil pencapaian mereka.

DASAR YANG BERKAITAN SERTA TINDAKAN/INISIATIF/USAHA YANG TELAH DILAKSANAKAN OLEH KPM, DPNM DAN DRPRT

Beberapa dasar telah dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mengurangkan tekanan yang dialami oleh murid. Tujuan langkah-langkah ini adalah untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih adil dan menarik, mengurangkan beban akademik, dan menyokong kesejahteraan mental dan emosi pelajar.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025

Aspirasi murid merupakan satu elemen yang sangat penting dan diambil berat oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Elemen ini telah dijadikan sebagai salah satu elemen dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Objektif utama PPPM adalah untuk memahami cabaran dan prestasi semasa sistem pendidikan Malaysia dan berfokus kepada penambahbaikan akses kepada pendidikan, peningkatan standard kualiti, menggalakkan perpaduan dalam kalangan murid, memaksimumkan keberkesanan sistem kecekapan dan pencapaian ekuiti. Terdapat 6 aspirasi bagi murid yang digariskan oleh KPM iaitu pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian serta identiti nasional. (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Dasar Pembandaran Negara Malaysia (DPNM)

Dasar Pembandaran Negara Malaysia bertujuan untuk mempromosikan pembangunan bandar yang inklusif dan mampan. Dengan mempercepatkan pertumbuhan ekonomi, meningkatkan mobiliti, dan kesejahteraan rakyat, dasar ini melibatkan pelaburan besar dalam infrastruktur seperti pengangkutan, tenaga, air dan sanitasi, komunikasi, dan penempatan bandar. (Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, 2016). Malaysia berusaha menangani cabaran seperti pertumbuhan populasi dan tekanan alam sekitar melalui amalan pengeluaran dan penggunaan yang mampan, yang diperkenalkan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas

(2016-2020) (Unit Perancang Ekonomi, 2015) dan diteruskan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (Unit Perancang Ekonomi, 2021).

Objektif dasar adalah untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi dari segi pembangunan infrastruktur dan kemudahan bandar untuk menarik pelaburan dan mewujudkan peluang pekerjaan yang berkualiti. (Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, 2016). Kedua, peningkatan mobiliti dan perhubungan dalam memastikan sistem pengangkutan yang efisien dan menyeluruh untuk menghubungkan bandar-bandar dan kawasan luar bandar. (Unit Perancang Ekonomi, 2015). Ketiga adalah kesejahteraan rakyat dalam menyediakan perkhidmatan asas seperti air bersih, sanitasi dan tempat tinggal yang selesa untuk semua golongan masyarakat. (Unit Perancang Ekonomi, 2021).

Dasar Rumah Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT)

Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) adalah salah satu inisiatif kerajaan Malaysia di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) yang bertujuan untuk membantu golongan miskin di luar bandar dan golongan miskin tegar. Program ini menyediakan bantuan untuk membaik pulih rumah sedia ada dan membina rumah baru atau bagi memastikan keluarga miskin mempunyai tempat tinggal yang selamat, selesa, dan sempurna. (Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW), 2023). Program ini diperkenalkan pada tahun 1995 oleh bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, dan telah berkembang untuk membantu mereka yang tidak mempunyai rumah tetapi mempunyai tanah sendiri. (Bernama, 2023). Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) menjenamakan semula Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) kepada Program Perumahan Rakyat Sejahtera (PPRS). Penjenamaan semula itu bertujuan menukar persepsi masyarakat setempat dan minda penghuni program perumahan berkenaan. (Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW), 2023). Skop bantuan PPRT terbahagi kepada dua kategori utama: bina baru dan baik pulih. Bantuan bina baru diberikan kepada peserta yang tidak mempunyai rumah atau rumah yang didiami terlalu uzur dan tidak selamat untuk diduduki. Bantuan baik pulih pula melibatkan komponen-komponen asas rumah seperti bumbung, dinding, dan lantai, yang masih ekonomik untuk dibaiki. (Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW), 2023). Objektif utama program ini adalah untuk meningkatkan kualiti hidup keluarga miskin dengan menyediakan tempat tinggal yang lebih selamat dan selesa sebagai asas pertumbuhan keluarga.

Dasar-dasar ini adalah salah satu usaha dan komitmen Negara untuk memastikan semua murid dapat belajar dengan selesa dan mempunyai persekitaran pembelajaran yang selamat demi kesejahteraan mental dan emosi mereka. (Unit Perancang Ekonomi, 2021).

ISU DAN CABARAN

Peluang Pekerjaan

i. Pengaruh Peluang Pekerjaan terhadap Aspirasi Murid

Ketidakpastian dalam peluang pekerjaan sering kali mengurangkan motivasi dan aspirasi murid. Murid yang menyedari ketidakstabilan dalam pasaran pekerjaan mungkin merasa teragak-agak untuk melabur masa dan usaha dalam pendidikan yang memerlukan komitmen jangka panjang. Menurut Bandura et al. (2001), ketidakpastian pekerjaan boleh menyebabkan kebimbangan dan ketidakpastian mengenai masa depan, yang mengurangkan aspirasi akademik dan kerjaya mereka.

Ketidakpastian ini juga boleh menyebabkan ketidakpercayaan dalam memilih kerjaya. Murid mungkin menghadapi kesukaran untuk membuat keputusan kerjaya yang tepat kerana bimbang mengenai kestabilan dan ketersediaan pekerjaan pada masa hadapan. Kajian oleh Lent et al. (2000) menunjukkan bahawa ketidakpastian ini boleh menghalang murid daripada menetapkan matlamat kerjaya yang jelas dan mempengaruhi keputusan pendidikan mereka, seperti memilih kursus yang dianggap lebih selamat tetapi kurang memuaskan.

Ketidakpastian ini juga boleh mengurangkan sokongan sosial dan ekonomi yang diperlukan oleh murid untuk mencapai aspirasi mereka. Keluarga yang terkesan oleh ketidakstabilan pekerjaan mungkin tidak dapat memberikan sokongan kewangan dan moral yang mencukupi kepada anak-anak mereka. Wilson et al. (2013) mendapati bahawa ketidakpastian ekonomi dalam keluarga boleh mengurangkan akses murid kepada sumber pendidikan yang penting dan menghalang mereka daripada mengejar aspirasi akademik yang tinggi.

ii. Diskriminasi dan Ketidaksamaan

Diskriminasi dan ketidaksamaan dalam pasaran buruh boleh mengurangkan motivasi dan aspirasi murid. Murid yang menyaksikan atau mendengar tentang ketidakadilan dalam peluang pekerjaan mungkin merasa tidak bersemangat untuk mengejar pendidikan tinggi dan kerjaya yang mereka minati. Menurut kajian oleh Brown et al. (2012), pengalaman atau persepsi diskriminasi boleh menyebabkan murid merasa tidak dihargai dan mengurangkan keyakinan diri mereka untuk menetapkan dan mencapai matlamat akademik dan kerjaya.

Ketidaksamaan dalam pasaran buruh juga boleh menyebabkan ketidakpercayaan dalam memilih kerjaya. Murid mungkin berasa bimbang tentang prospek pekerjaan yang tidak adil dan peluang yang tidak seimbang, yang boleh menghalang mereka daripada mengejar bidang yang mereka minati. Kajian oleh Steele (1997) menunjukkan bahawa ketakutan terhadap diskriminasi boleh menyebabkan murid mengelakkan bidang kerjaya tertentu, terutama dalam industri yang mempunyai sejarah ketidakadilan gender atau etnik.

Diskriminasi dan ketidaksamaan dalam pasaran buruh juga boleh mengurangkan sokongan sosial dan ekonomi yang diperlukan oleh murid untuk mencapai aspirasi mereka. Keluarga yang mengalami diskriminasi pekerjaan mungkin kurang mampu untuk memberikan

sokongan kewangan dan moral yang mencukupi kepada anak-anak mereka. Kajian oleh Wilson et al. (2013) mendapati bahawa ketidaksamaan ekonomi dalam keluarga akibat diskriminasi pasaran buruh boleh mengurangkan akses murid kepada sumber pendidikan yang penting, seterusnya menghalang mereka daripada mencapai aspirasi akademik yang tinggi.

Pendedahan kepada Kawasan Kejiranan

i. Akses kepada Sumber Pelajaran

Murid yang tinggal di kawasan kejiranan yang kurang maju sering kali mengalami kekurangan akses kepada kemudahan pendidikan yang mencukupi seperti perpustakaan, makmal sains, dan teknologi maklumat. Kajian oleh Neuman dan Celano (2001) mendapati bahawa murid dari kawasan berpendapatan rendah mempunyai akses yang terhad kepada bahan bacaan berkualiti, yang boleh menghalang perkembangan literasi dan minat mereka dalam pembelajaran. Kekurangan sumber ini boleh menurunkan aspirasi murid untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

Pendedahan kepada persekitaran kejiranan yang mempunyai masalah sosial seperti jenayah, kekurangan sokongan komuniti, dan tekanan ekonomi boleh menjejaskan aspirasi akademik murid. Murid yang tinggal di kawasan ini mungkin menghadapi gangguan yang berterusan, mengurangkan motivasi dan tumpuan mereka terhadap pembelajaran. Kajian oleh Sampson, Morenoff, dan Gannon-Rowley (2002) menunjukkan bahawa kejiranan yang bermasalah boleh menjejaskan perkembangan psikologi dan sosial kanak-kanak, seterusnya menghalang mereka daripada menetapkan matlamat yang tinggi.

Jurang sosioekonomi dalam kejiranan juga boleh menyebabkan ketidaksamaan dalam pencapaian pendidikan. Murid dari keluarga yang kurang berkemampuan mungkin tidak mendapat sokongan tambahan seperti tuisyen atau program pembelajaran luar waktu sekolah yang boleh membantu mereka mencapai prestasi akademik yang lebih baik. Menurut kajian oleh Wilson et al. (2013), ketidaksamaan ini menyebabkan murid dari latar belakang sosioekonomi rendah ketinggalan dalam pendidikan, yang seterusnya menurunkan aspirasi dan peluang mereka untuk mencapai kejayaan akademik dan kerjaya.

ii. Masalah kesihatan mental dalam kalangan anak-anak Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT)

Anak-anak yang tinggal di kawasan Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) sering kali menghadapi masalah kesihatan mental yang serius. Faktor-faktor seperti tekanan ekonomi, kekurangan ruang hidup yang mencukupi, dan keadaan persekitaran yang tidak kondusif boleh menyebabkan masalah seperti kebimbangan, kemurungan, dan stres yang tinggi. Kajian oleh Evans et al. (2003) menunjukkan bahawa tekanan hidup dalam keadaan sesak dan kurang selesa boleh menjejaskan kesejahteraan psikologi kanak-kanak, menghalang perkembangan akademik dan sosial mereka.

Pendedahan kepada persekitaran kejiranan yang bermasalah, seperti kadar jenayah yang tinggi dan kekurangan sokongan komuniti, boleh memburukkan lagi masalah kesihatan mental

dalam kalangan anak-anak PPRT. Kajian oleh Leventhal dan Brooks-Gunn (2000) menunjukkan bahawa kanak-kanak yang tinggal di kejiranan yang tidak selamat dan kurang teratur cenderung mengalami lebih banyak masalah emosi dan tingkah laku. Ini boleh mengurangkan motivasi mereka untuk belajar dan mencapai aspirasi akademik dan kerjaya yang tinggi.

Masalah kesihatan mental yang berpunca dari keadaan hidup yang mencabar dan persekitaran kejiranan yang negatif boleh menjejaskan aspirasi murid secara signifikan. Anak-anak yang mengalami stres kronik dan tekanan emosi mungkin kurang berminat dan bermotivasi untuk berusaha mencapai kejayaan akademik. Menurut kajian oleh Sampson et al. (2002), kejiranan yang memberikan sedikit sokongan sosial dan sumber boleh menyebabkan kanak-kanak kehilangan harapan dan keyakinan terhadap masa depan mereka, menghalang mereka daripada menetapkan matlamat yang tinggi.

Pandangan terhadap Jiran

i. Kesulitan dalam Hubungan dengan Jiran

Kesulitan dalam hubungan dengan jiran boleh menjejaskan kesejahteraan emosi murid. Konflik dan ketegangan dengan jiran boleh menyebabkan murid merasa terasing dan kurang sokongan sosial, yang penting untuk perkembangan emosi yang sihat. Menurut kajian oleh Sampson et al. (2002), hubungan sosial yang negatif dalam kejiranan boleh menyebabkan kebimbangan dan stres yang berlebihan dalam kalangan kanak-kanak, yang seterusnya boleh menjejaskan motivasi dan tumpuan mereka dalam pendidikan.

Murid yang menghadapi kesulitan dalam hubungan dengan jiran mungkin mengalami penurunan motivasi untuk mencapai aspirasi akademik dan kerjaya mereka. Ketegangan sosial dan kekurangan sokongan dari komuniti boleh menyebabkan murid merasa kurang yakin untuk menetapkan dan mengejar matlamat yang tinggi. Penyelidikan oleh Leventhal dan Brooks-Gunn (2000) menunjukkan bahawa kejiranan yang kurang menyokong boleh menjejaskan perkembangan akademik dan aspirasi kerjaya kanak-kanak, kerana mereka kurang mendapat dorongan dan inspirasi daripada persekitaran sosial mereka.

Hubungan yang tegang dengan jiran juga boleh menghalang perkembangan kemahiran sosial murid. Interaksi sosial yang positif dengan jiran adalah penting untuk membina kemahiran komunikasi, kepimpinan, dan kerja berpasukan. Murid yang mengalami konflik dengan jiran mungkin kekurangan peluang untuk mengembangkan kemahiran ini, yang penting untuk kejayaan akademik dan kerjaya di masa hadapan. Kajian oleh Putnam (2000) menekankan kepentingan modal sosial dalam kejiranan untuk menyokong perkembangan kanak-kanak dan remaja.

ii. Kurangnya Sokongan Sosial dan Motivasi

Kekurangan sokongan sosial dari jiran boleh memberi kesan negatif yang signifikan terhadap aspirasi murid. Tanpa sokongan dan dorongan dari komuniti kejiranan, murid mungkin merasa terasing dan kurang motivasi untuk menetapkan dan mencapai matlamat akademik dan kerjaya

mereka. Menurut kajian oleh Putnam (2000), sokongan sosial yang rendah dalam komuniti boleh mengurangkan rasa kebersamaan dan kepunyaan, yang penting untuk kesejahteraan dan motivasi murid.

Murid yang tidak menerima sokongan sosial dari jiran cenderung merasa kurang yakin dan kurang bermotivasi untuk mengejar aspirasi akademik dan kerjaya. Kajian oleh Leventhal dan Brooks-Gunn (2000) menunjukkan bahawa murid di kawasan kejiranan yang kurang menyokong sering kali kurang berminat dalam pendidikan dan mempunyai aspirasi yang lebih rendah. Ini disebabkan oleh kurangnya dorongan dan teladan positif yang boleh memberi inspirasi kepada mereka untuk menetapkan dan mencapai matlamat yang tinggi.

Kekurangan sokongan sosial juga boleh menjejaskan kesejahteraan emosi murid. Tanpa sokongan dari jiran, murid mungkin merasa lebih tertekan dan kurang bersemangat untuk berinteraksi dengan orang lain. Kajian oleh Sampson et al. (2002) mendapati bahawa hubungan sosial yang lemah dalam komuniti boleh menyebabkan kebimbangan dan tekanan emosi yang tinggi dalam kalangan murid, yang seterusnya boleh menjejaskan motivasi mereka untuk mencapai aspirasi akademik.

Implikasi Peluang Pekerjaan terhadap Aspirasi Murid

Peluang pekerjaan yang tidak stabil atau terhad boleh memberi kesan langsung terhadap motivasi dan aspirasi akademik murid. Ketidaktentuan halatuju kerjaya masa depan menyebabkan murid kurang berminat untuk melabur dalam pendidikan mereka. Bandura et al. (2001) menyatakan bahawa kebimbangan terhadap kestabilan pekerjaan boleh menurunkan keyakinan diri dan mengurangkan keinginan murid untuk menetapkan matlamat yang tinggi dalam pendidikan dan kerjaya.

Ketidakstabilan ekonomi keluarga akibat peluang pekerjaan yang terhad juga menyukarkan sokongan kewangan dan moral kepada murid. Keadaan ini boleh menghalang akses murid kepada sumber pembelajaran penting seperti tuisyen dan bahan pendidikan tambahan. Wilson et al. (2013) menekankan bahawa ketidakpastian ekonomi dalam keluarga memberi kesan langsung terhadap keupayaan murid mengejar aspirasi akademik yang tinggi.

Selain itu, ketiadaan peluang pekerjaan dalam komuniti boleh melemahkan perkembangan sosial dan emosi murid. Tanpa contoh teladan atau model kejayaan dalam persekitaran mereka, murid kurang terdorong untuk merancang masa depan yang cemerlang. Kajian oleh Putnam (2000) dan Eccles & Barber (1999) menunjukkan bahawa sokongan sosial dan penglibatan dalam aktiviti kokurikulum berkait rapat dengan pembangunan aspirasi, pencapaian akademik, dan persediaan kerjaya yang berjaya.

Implikasi Pendedahan kepada Kawasan Kejiranan terhadap Aspirasi Murid

Pendedahan kepada kawasan kejiranan yang bermasalah seperti kadar jenayah tinggi, kemiskinan, dan persekitaran yang tidak kondusif boleh memberi tekanan emosi dan psikologi kepada murid. Mereka mungkin berasa tidak selamat dan mengalami kebimbangan berpanjangan yang menjejaskan tumpuan serta keupayaan belajar. Sampson et al. (2002)

menunjukkan bahawa kejiranan yang tidak stabil boleh mengganggu kesejahteraan psikologi kanak-kanak dan menyukarkan pembelajaran yang berkesan.

Selain itu, persekitaran kejiranan yang negatif boleh melemahkan motivasi dan aspirasi akademik murid. Ketiadaan model teladan dan kekurangan akses kepada sumber pendidikan seperti perpustakaan, makmal dan program kokurikulum mengehadkan peluang untuk berjaya. Leventhal dan Brooks-Gunn (2000) serta Neuman dan Celano (2001) masing-masing menyatakan bahawa pendedahan kepada persekitaran yang kurang menyokong akan menurunkan aspirasi akademik dan memperlahankan perkembangan literasi.

Akhir sekali, kawasan kejiranan yang tidak menyokong turut memberi kesan kepada pembangunan sosial dan tingkah laku murid. Kekurangan aktiviti komuniti yang positif dan interaksi sosial yang sihat boleh menjejaskan pembinaan kemahiran sosial seperti komunikasi dan kepimpinan. Menurut Putnam (2000) dan Brooks-Gunn et al. (1997), modal sosial yang rendah serta pengaruh negatif dalam kejiranan boleh menyebabkan tingkah laku bermasalah, sekaligus mengurangkan keyakinan diri dan aspirasi kerjaya murid.

Implikasi Pandangan terhadap Jiran

Pandangan negatif terhadap jiran, seperti anggapan bahawa jiran bersikap tidak mesra atau tidak menyokong, boleh menjejaskan kesejahteraan emosi murid. Apabila murid merasa terasing atau tidak diterima dalam komuniti mereka, mereka mungkin mengalami tekanan, kebimbangan dan kurang sokongan sosial. Sampson et al. (2002) menjelaskan bahawa hubungan sosial yang lemah dalam kejiranan menyumbang kepada stres dalam kalangan kanak-kanak dan menjejaskan kesejahteraan psikologi mereka.

Selain itu, ketiadaan teladan positif dalam kalangan jiran boleh mengganggu aspirasi akademik murid. Leventhal dan Brooks-Gunn (2000) mendapati bahawa murid yang membesar dalam komuniti dengan sokongan sosial yang rendah lebih cenderung mempunyai aspirasi pendidikan yang lemah kerana kurangnya dorongan dan inspirasi daripada persekitaran sekeliling. Pandangan negatif terhadap jiran juga boleh menyebabkan murid menjauhkan diri daripada aktiviti pembelajaran tambahan seperti tuisyen atau kokurikulum yang penting untuk pembangunan diri.

Akhir sekali, interaksi sosial yang tidak sihat dalam kejiranan boleh menjejaskan kemahiran sosial serta kesihatan mental murid dalam jangka panjang. Murid yang tidak mendapat sokongan komuniti berisiko tinggi untuk mengalami kemurungan, tingkah laku bermasalah, atau kesukaran dalam mengawal emosi (Evans et al., 2003; Brooks-Gunn et al., 1997). Kekurangan rangsangan sosial yang positif turut mengehadkan peluang mereka untuk membina keyakinan diri dan kemahiran insaniah penting seperti kepimpinan dan kerjasama (Putnam, 2000; Eccles & Barber, 1999).

Cadangan untuk menangani Pengaruh Peluang Pekerjaan dan Diskriminasi terhadap Aspirasi murid

Pendidikan dan latihan kerjaya yang komprehensif boleh membantu murid menghadapi ketidakpastian dalam peluang pekerjaan. Sekolah perlu menawarkan program bimbingan

kerjaya yang membolehkan murid memahami perubahan dalam dunia kerja dan menyesuaikan kemahiran mereka dengan permintaan yang sentiasa berubah. Program ini juga dapat membantu murid mengenal pasti pelbagai laluan kerjaya yang selaras dengan minat dan keupayaan mereka, seterusnya meningkatkan aspirasi akademik dan kerjaya.

Pendidikan dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan, dan Matematik (STEM) harus digalakkan untuk melengkapkan murid dengan kemahiran yang relevan dan dapat meningkatkan kebolehpasaran mereka dalam menghadapi cabaran masa depan. Pendidikan STEM dapat mengurangkan ketidakpastian berkaitan peluang pekerjaan dengan mempersiapkan murid terhadap perubahan teknologi yang pesat serta pekerjaan yang memerlukan kemahiran tinggi dan kompleks.

Bagi mengatasi diskriminasi dan ketidaksetaraan, program pendidikan yang meningkatkan kesedaran tentang kepelbagaian dan inklusiviti perlu diterapkan dalam kurikulum sekolah. Ini termasuk latihan kesedaran tentang budaya, gender, dan latar belakang sosial yang pelbagai. Dengan menggalakkan sikap terbuka dan inklusif, murid akan lebih bersemangat untuk menetapkan serta mencapai aspirasi pendidikan dan kerjaya, tanpa mengira latar belakang mereka.

Sokongan sosial dan ekonomi yang mencukupi amat penting bagi murid yang terjejas oleh ketidakstabilan peluang pekerjaan dan diskriminasi. Antara bentuk sokongan yang boleh disediakan termasuk biasiswa, bantuan kewangan, serta sokongan psikologi dan kaunseling. Kajian oleh Wilson et al. (2013) menunjukkan bahawa sokongan kewangan dan moral daripada keluarga dan komuniti mampu meningkatkan aspirasi akademik murid dan membantu mereka mencapai kejayaan pendidikan yang lebih tinggi.

Akhir sekali, penglibatan aktif komuniti setempat boleh mengurangkan kesan negatif ketidakstabilan peluang pekerjaan dan diskriminasi terhadap murid. Sekolah dan organisasi komuniti perlu berganding bahu menyediakan program sokongan, aktiviti pembangunan diri, serta jaringan sosial yang menyokong. Kajian oleh Putnam (2000) menyatakan bahawa modal sosial yang tinggi dalam komuniti dapat memperkukuh perkembangan akademik dan sosial murid, sekaligus meningkatkan aspirasi mereka untuk berjaya dalam kehidupan.

Cadangan untuk Mengatasi Masalah Akses kepada Sumber Pelajaran dan Kesihatan Mental dalam Kalangan Anak-anak PPRT

Antara beberapa cadangan untuk mengatasi masalah akses kepada sumber pelajaran, adalah penting kerajaan dan pihak berwajib perlu meningkatkan infrastruktur pendidikan seperti perpustakaan, makmal sains, dan kemudahan teknologi maklumat di sekolah yang terletak di kawasan berisiko tinggi. Pelaburan dalam teknologi seperti komputer dan akses internet juga penting agar murid tidak tercicir dalam pembelajaran digital. Neuman dan Celano (2001) menunjukkan bahawa murid dari kawasan berpendapatan rendah mempunyai akses terhad kepada bahan bacaan dan maklumat, yang seterusnya menjejaskan perkembangan akademik mereka.

Selain itu, penyediaan program sokongan akademik seperti kelas tambahan, tuisyen percuma, dan bimbingan mentor-mentee amat penting bagi membantu murid PPRT meningkatkan pencapaian dan keyakinan diri. Sekolah juga boleh mengadakan program

bimbingan secara berkala bagi mengenal pasti kelemahan individu dan memberikan perhatian khusus. Kajian oleh Wilson et al. (2013) menyatakan bahawa bimbingan akademik dan moral daripada institusi dan komuniti memainkan peranan besar dalam mengangkat pencapaian pelajar daripada latar belakang sosioekonomi rendah.

Bagi menangani isu kesihatan mental, sekolah perlu menyediakan akses kepada kaunselor terlatih serta program kesedaran yang membantu mengurangkan stigma berkaitan isu psikologi. Di samping itu, kolaborasi dengan NGO dan komuniti setempat bagi membentuk kumpulan sokongan sosial dapat mewujudkan persekitaran yang lebih selamat dan menyokong. Evans et al. (2003) menekankan bahawa tekanan hidup yang tinggi dalam kalangan kanak-kanak berpendapatan rendah memberi kesan langsung kepada kesihatan mental dan motivasi akademik mereka. Pendekatan holistik yang melibatkan kerjasama pendidikan, kesihatan dan komuniti perlu diterapkan secara menyeluruh.

Cadangan untuk Mengatasi Kesulitan dalam Hubungan dengan Jiran dan Kurangnya Sokongan Sosial serta Motivasi terhadap Aspirasi Murid

Bagi mengatasi kesulitan dalam hubungan dengan jiran, adalah penting untuk memupuk interaksi positif dalam komuniti melalui aktiviti seperti gotong-royong, sukan kejiranan dan pameran komuniti. Program sebegini bukan sahaja dapat memperkukuh hubungan antara penduduk, malah mewujudkan persekitaran yang lebih mesra dan menyokong bagi murid. Putnam (2000) menekankan bahawa interaksi sosial yang positif dalam komuniti dapat meningkatkan rasa kebersamaan, yang memainkan peranan penting dalam sokongan emosi dan pembangunan sosial murid.

Sekolah juga berperanan dalam membentuk hubungan sosial yang sihat melalui program pendidikan kesedaran sosial. Program ini boleh meningkatkan kefahaman murid tentang kepentingan toleransi, komunikasi berkesan dan kerjasama dalam komuniti. Dengan kemahiran ini, murid lebih bersedia untuk membina hubungan yang positif dengan jiran, sekali gus mengurangkan tekanan sosial dan membentuk jaringan sokongan. Sampson et al. (2002) menyatakan bahawa komuniti yang menyokong mampu mengurangkan tekanan emosi dan meningkatkan kesejahteraan psikologi dalam kalangan murid.

Di samping itu, kekurangan sokongan sosial dan motivasi yang sering dikaitkan dengan tekanan kewangan perlu ditangani melalui bantuan bersasar seperti biasiswa, program mentor dan perkhidmatan kaunseling di sekolah. Penglibatan aktif keluarga dalam aktiviti komuniti dan program sokongan boleh memberikan murid contoh teladan dan dorongan moral yang berterusan. Kajian oleh Wilson et al. (2013) menunjukkan bahawa sokongan kewangan dan moral daripada keluarga dan komuniti berupaya meningkatkan aspirasi akademik serta mendorong murid ke arah pencapaian yang lebih tinggi.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, aspirasi murid sangat dipengaruhi oleh tiga faktor utama iaitu peluang pekerjaan, persekitaran kejiranan, dan hubungan dengan jiran. Peluang pekerjaan yang jelas dan stabil mampu meningkatkan motivasi murid untuk melabur dalam pendidikan mereka,

manakala kejiranan yang selamat dan menyokong membentuk keyakinan dan kesejahteraan emosi yang diperlukan untuk mencapai kejayaan. Sebaliknya, ketidakpastian dalam peluang kerjaya dan persekitaran sosial yang negatif boleh melemahkan semangat dan aspirasi murid.

Oleh itu, usaha bersepadu antara kerajaan, sekolah, dan komuniti amat diperlukan. Kerajaan perlu memastikan dasar ekonomi yang menyokong penciptaan peluang pekerjaan berkualiti, sekolah perlu menyediakan sokongan akademik dan bimbingan kerjaya yang relevan, manakala komuniti harus memainkan peranan dalam menyediakan sokongan sosial dan persekitaran yang positif. Dengan kolaborasi semua pihak, aspirasi murid dapat diperkasa demi membina generasi masa depan yang berdaya saing dan berwawasan.

Rujukan

- Adeoye, M. A. 2022. Explanatory Remarks on Maslow's Theory of Motivation. *Indonesian Journal of Multidisciplinary Research*, 8.
- Anjanaben J. Trivedi, A. M. 2019. Maslow's Hierarchy of Needs - Theory of Human Motivation. *International Journal of Research in all Subjects in Multi Languages*, 4.
- Augé, M. 1995. *Non-Places: Introduction to an Anthropology of Supermodernity*. Verso.
- Bandura, A., Barbaranelli, C., Caprara, G. V., & Pastorelli, C. 2001. Self-efficacy beliefs as shapers of children's aspirations and career trajectories. *Child Development*, 72(1): 187–206.
- Bernama. (2023, September 24). PPRT dijenamakan semula sebagai Program Perumahan Rakyat Sejahtera (PPRS). Berita Harian <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/09/123456/pprt-dijenamakan-semula-sebagai-pprs>.
- Billano, G. C. 2021. Preference of generation z towards social intraction. *Indonesian Journal of Community and Special Needs Education*, 41–46.
- Brooks-Gunn, J., Duncan, G. J., & Aber, J. L. 1997. *Neighborhood poverty: Context and consequences for children* (Vol. 1). Russell Sage Foundation.
- Brown, P., Lauder, H., & Ashton, D. 2012. *The Global Auction: The Broken Promises of Education, Jobs, and Incomes*. t.tp.: Oxford University Press.
- Chen, X., & Hesketh, T. 2021. Educational Aspirations and Expectations of Adolescents in Rural China: Determinants, Mental Health, and Academic Outcomes. *IJERPH*, 18(21): 1–14.
- Cresswell, T. 2004. *Place: A Short Introduction*. t.tp.: Blackwell Publishing.
- Eccles, J. S., & Barber, B. L. 1999. Student council, volunteering, basketball, or marching band: What kind of extracurricular involvement matters? *Journal of Adolescent Research*, 14(1): 10–43.
- Evans, G. W., Saegert, S., & Harris, R. 2003. Residential density and psychological health among children in low-income families. *Environment and Behavior*, 35(4): 422–440.
- International Bureau for Children's Rights. 2016. *Strategic plan 2016–2021: For the protection of children's rights*. Montreal: International Bureau for Children's Rights.
- Ivan Turok, R. S. 2009. *Shaping Educational Attitudes and Aspirations: The influence of parents, place and poverty: Stage 1 report*. t.tp.: Joseph Rowntree Foundation.

- Johnston, R. J., Gregory, D., Pratt, G., & Watts, M. 2000. *The Dictionary of Human Geography* (4th ed.). Oxford: Blackwell Publishers.
- Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah. 2023. *Dasar dan program PPRT/PPRS*. Putrajaya: Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2013. *Pelan pembangunan pendidikan Malaysia 2013–2025 (Pendidikan prasekolah hingga lepas menengah)*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. 2016. *Dasar pembandaran negara kedua (DPN2)*. Putrajaya: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.
- Lannin, D. G., Russell, L. T., Yazedjian, A., & Parris, L. N. 2022. Adolescent Aspirations, Compromise, and Conflict-Resolution. *Journal of Social and Personal Relationships*, 39(11): 3320–3328. <https://doi.org/10.1177/02654075221095777>.
- Lent, R. W., Brown, S. D., & Hackett, G. 2000. Contextual supports and barriers to career choice: A social cognitive analysis. *Journal of Counseling Psychology*, 47(1): 36–49.
- Lergetporer, P., Werner, K., & Woessmann, L. 2021. Does Ignorance of Economic Returns and Costs Explain the Educational Aspiration Gap? *Economica*, 88: 624–670. <https://doi.org/10.1111/ecca.12371>.
- Leventhal, T., & Brooks-Gunn, J. 2000. The neighborhoods they live in: The effects of neighborhood residence on child and adolescent outcomes. *Psychological Bulletin*, 126(2): 309–337.
- Low, S. M., & Altman, I. 1992. *Place Attachment*. t.tp.: Springer.
- McLeod, S. 2018. Maslow's Hierarchy of Needs. *Simply Psychology*, 16.
- Neuman, S. B., & Celano, D. 2001. Access to print in low-income and middle-income communities: An ecological study of four neighborhoods. *Reading Research Quarterly*, 36(1), 8–26.
- Putnam, R. D. 2000. *Bowling Alone: The Collapse and Revival of American Community*. t.tp.: Simon and Schuster.
- Relph, E. (1976). *Place and Placelessness*. Pion.
- Sampson, R. J., Morenoff, J. D., & Gannon-Rowley, T. 2002. Assessing neighborhood effects': Social processes and new directions in research. *Annual Review of Sociology*: 28, 443–478.
- Save the Children International. 2019. *Changing lives in our lifetime: Annual report 2019*. London: Save the Children International.
- Steele, C. M. 1997. A threat in the air: How stereotypes shape intellectual identity and performance. *American Psychologist*, 52(6): 613–629.
- Tuan, Y. F. 1977. *Space and Place: The Perspective of Experience*. University of Minnesota Press.
- Unit Perancang Ekonomi. 2015. *Rancangan Malaysia Kesebelas 2016–2020: Pertumbuhan berpaksikan rakyat*. Putrajaya: Jabatan Perdana Menteri Malaysia.
- Unit Perancang Ekonomi. 2021. *Rancangan Malaysia Kedua Belas 2021–2025: Memacu pertumbuhan inklusif dan mampan*. Putrajaya: Jabatan Perdana Menteri Malaysia.
- Wilson, R. A., Beaven, R., & May-Gillings, M. 2013. Working Futures 2012–2022: *Evidence Report 83*. UK Commission for Employment and Skills.

- World Health Organization. 2020. *Constitution of the World Health Organization (Basic documents, 49th ed.)*. Geneva: World Health Organization.
- World Vision International. 2016. *Child well-being: Aspirations and outcomes*. Monrovia, CA: World Vision International.
- Zipin, L., Sellar, S., & Gale, T. 2015. Educating for Futures in Marginalised Regions: A Sociological Framework for Rethinking and Researching Aspirations. *Educational Philosophy and Theory*, 47(3): 227–246.